

# ASUHAN BUDI DI DALAM ISLAM

## DIDIKAN KEPADA ANAK-ANAK

### V

## KEWAJIPAN IBU BAPA KEPADA ANAK-ANAKNYA

Kewajipan anak-anak kepada ibu bapanya sedia masyhur – boleh dikata semua orang tahu dan semua orang memberatinya. Sebab itu tak payahlah kita bicarakan di sini dengan panjang lebar. Memadai diingat ayat al-Quran yang menyebutkan firman Tuhan:

*Wa qadā rabbuka allā ta 'budū illā iyyāhu wa bilwālidayni ihsānan. Immā yablughanna 'indakal kibara aḥaduhumā aw kilā humā falā taqul lahumā uffin walā tanharhumā wa qullahumā qawlan karimā. Wakhfiḍ lahumā janāḥadhullī mina al-rahmati wa qul rabbirḥamhuma kaā rabbayāni saghīra.*

(Surah al-Isrā' ayat 21-23)

Ertinya “Tuhan engkau telah menetapkan bahawa engkau hendaklah jangan sekali-kali menyembah yang lain daripada dia, dan bahawa hendaklah berbuat baik kepada kedua ibu bapa: jikalau salah seorang daripada mereka itu atau kedua-dua mereka itu sampai kepada umur tua bersama-sama engkau maka janganlah engkau kata kepada mereka itu barang sepele jua perkataan yang keras dan kasar; dan jangan engkau herdik mereka itu, tetapi hendaklah engkau berkata-kata kepada mereka itu dengan perkataan yang lembut dan mulia. Dan rendahkan kepada mereka akan sayap ketundukan daripada kasihan dan kasih sayang engkau akan mereka dan berdoalah engkau: ‘Hai Tuhanku, kasihanilah kedua mereka ini sebagaimana mereka telah membela pelihara, mendidik aku masa aku kecil-kecil dahulu.’”

Demikian lagi beberapa ayat yang lain seumpama itu boleh didapati dalam surah al-‘Ankabūt, surah Luqmān dan surah al-Aḥqāf iaitu menyuruh anak hormat dan taat

kepada kedua ibu bapa tetapi melarang jangan taat jika mereka melorongkan kepada kesalahan dan kejahatan seperti menyuruh sekutukan Tuhan dan sebagainya. Dalam begitu pun anak itu disuruh hendaklah juga berbaik-baik dengan ibu bapanya itu. Maka selain daripada itu ada pula beberapa banyak hadis yang menguatkan lagi akan ajaran ayat-ayat yang tersebut itu dengan berbagai-bagai perkataan.

Oleh itu tiap-tiap orang Islam sangat tahu akan kewajipan anak-anak kepada ibu bapanya ini dan tiap-tiap ibu bapa Islam sentiasa mengerti dan memberati akan perkara itu. Bahkan bagi orang yang bukan Islam pun dan orang yang tiada tahu akan adanya ayat-ayat dan hadis-hadis ini di dalam ajaran Islam, mereka memang sangat tahu dan memberati juga akan kewajipan anak-anak kepada ibu bapanya ini; kerana perkara itu sediakala masyhur dan teraku kepada segala manusia walau apa pun bangsa dan agamanya, dan sediakala telah disadari akan dia dari awal-awal

permulaan manusia ada di dalam dunia ini.

Akan tetapi banyak orang yang tiada tahu atau tiada ingat bahawa ibu bapa pun ada pula kewajipan kepada anak-anaknya; jika tahu dan ingat pun maka banyak daripada ibu bapa yang tiada cukup mengerti dan memberati akan kewajipan kepada anak-anak itu. Sungguhlah perkara kewajipan ibu bapa kepada anaknya ini tidak ada disebutkan dengan nyata dalam Quran dan Hadis sebagaimana disebutkan kewajipan anak kepada ibu bapa itu, tetapi peraturan undang-undang Tuhan yang tetap pada lain-lain perkara adalah terpakai juga pada masalah ini iaitu “apabila ada hak adalah pula kewajipan”. Yakni apabila seseorang ada diuntukkan hak yang wajib diberi kepadanya oleh orang lain maka adalah pula ditanggungkan di atasnya hak orang lain itu untuk disempurnakannya supaya melayakkan dia mendapat hak untuk dirinya itu. Bahkan akal kita sendiri pun mengaku yang demikian itu. Kita tidak diberi sesuatu hak atau keuntungan dengan percuma, melainkan hendaklah ada sesuatu perbuatan dan amal kita jadi seolah-olah bayaran atau modalnya bagi melayakkan kita dapat hak dan keuntungan itu.

Tiap-tiap suatu yang dipatutkan oleh Tuhan kita pendapatnya itu adalah pula ditanggungkannya kepada kita suatu kewajipan sebagai harga atau bayarannya. Bukannya kita diberi percuma dengan tidak layak dan tiada kelayakan. Bahkan sehingga lapangan tempat dan masa dan udara dan sebagainya yang diuntukkan bagi kita dalam kehidupan kita di dunia ini pun mestilah ada kita beri tukarannya seolah-olah bayaran atau sewanya. Kata hukama: bayaran yang mesti kita beri kerana lapangan tempat dan masa yang kita duduki dalam dunia ini ialah mesti bekerja berusaha dan beramal. Jika tidak bekerja dan berusaha maka tidaklah layak seseorang itu mendapat tempat dan umur hidup di dunia ini. Pendeknya apa-apa perkara pun, tentang

hak dan keuntungan bagi diri kita hendaklah dibayar dengan menyempurnakan hak dan keuntungan bagi orang lain pula. Kalau kita ada hak di atas orang lain, mestilah orang lain itu pun ada hak di atas kita, iaitu kewajipan yang mesti kita sempurnakan supaya melayakkan kita mendapat hak kita itu.

Maka begitulah pula pada perhubungan di antara ibu bapa dengan anaknya. Jika kita berkehendak akan anak kita jadi anak yang sempurna, jadi manusia yang baik, “jadi orang” betul, maka kewajipan kita ibu bapa hendaklah memberi didikan yang betul dan sempurna kepada anak itu; hendaklah diberi akan dia asuhan yang baik, pelajaran yang baik, hendaklah dilatih dan dididik laku perangnya dengan latihan yang halus dan baik. Tidaklah pada semata-mata dengan dikandungkan anak itu dalam perut, kemudian dianakkan, disusui, dijaga tubuh badannya

daripada nyamuk dan diubati sakit peningnya – pendeknya tidaklah pada dengan ikhtiar-ikhtiar bagi menghidupkan dia

dan membesarkan tubuh badannya sahaja. Kerana jika sekadar itu sahaja, dengan tidak ada asuhan perangai dan didikan hati, maka tidaklah hairan jika anak itu akhirnya tiada mengenang akan ibu bapanya kemudian kelak, “tiada membalas budi”. Bahkan tidaklah hairan jika mereka barangkali akan terus membuat derhaka kepada ibu bapanya. Maka istimewa pula jika disebut-sebut dan dibangkit-bangkit oleh ibu bapa itu segala kebaikan yang telah dibuatnya kepada anaknya itu dari kecilnya. Bahkan kalau telah diberi akan anak itu asuhan perangai yang baik dan sempurna pun tidaklah juga patut dibangkit-bangkiti demikian itu.

Banyak ibu bapa hanya tahu akan kewajipan anaknya kepadanya sahaja, pada hal masa anaknya itu kecil dahulu ia tidak cukup menyempurnakan kewajipan dirinya kepada anaknya itu, yakni tidak ia mengirakan hak anaknya itu

Oleh Zāba

di atasnya pula. Ibu bapa yang demikian hanya tahu mengadakan anak, menyusuinya, memberi makan minumannya dan menjaga keselamatan tubuh badan anak itu yang zahir sahaja dan dengan jalan itu telah membesarkannya. Tetapi mereka tidak ada memberi didikan hati dan pembelaan diri yang batin kepada anak itu. Kemudian apabila anak itu telah besar ibu bapa itu tahu menuntut haknya di atas anaknya itu: ia minta wang, minta “balas” pasal membela dari kecil. Dengan tidak mengirakan kekurangan anak itu pada didikan laku perangnya dan kehalusan perasaannya. Jika anaknya itu tiada memberi wang atau jika ia menjawab maka dibangkit-bangkitnya: “Aku yang telah mengandung engkau sembilan bulan dengan beberapa susahnyanya; aku yang telah membesarkan engkau. Berapa kepayahan dan sengsara yang telah aku tanggung dengan sebab engkau? Sekarang engkau tak membalas budi!” dan sebagainya.

Jikalau anak yang derhaka tentu ia boleh menjawab:

“Siapa suruh beranakkan saya dahulu? Siapa suruh bawa saya keluar melihat bulan dengan matahari? Saya tidak suruh, saya tidak minta. Siapa yang merasa lazat dan nikmat masa akan mengadakan saya dahulu? Mengapa tidak dipicitkan nyawa saya masa saya keluar dahulu supaya jangan susah membela saya, menjaga saya, membesarkan saya?” dan berbagai-bagai lagi boleh disoalnya, yang tentu ibu bapa itu tidakkan terjawab. Anak yang demikian dikatakan “anak derhaka, melawan ibu bapa”. Tetapi apakah sebabnya anak itu jadi derhaka?

Ibu bapa itu menuntut haknya atau meminta balasan daripada anaknya itu hanyalah sebab ia telah menganakkan dan membesarkannya sahaja, iaitu perkara yang ia telah berbuat dengan sukanya sendiri bukan dengan permintaan atau kehendak anak itu suruh beranakkan dan besarkan. Tetapi jika selain daripada menganakkan dan membesarkan itu ibu bapa itu telah menyempurnakan juga kewajibannya tentang memberi didikan hati dan asuhan perangai budi pekerti yang mulia, tentulah

anaknya itu tidakkan melawan dia atau derhaka kepada dia.

Ada pun anak yang derhaka melawan ibu bapanya itu kerap kalinya ialah kerana ibu bapanya tidak memberi peliharaan dan didikan perangai yang sempurna kepadanya masa ia kecil-kecil.

Hanya semata-mata mereka menganakkan dan membesarkan; kemudian setelah ia besar dan tahu hidup sendiri maka diminta “balas” dan dibangkit-bangkit pula jika ia tiada “membalas budi”. Pada hal barangkali anak itu telah diberi pelajaran oleh orang lain umpamanya, dan pada masa ia bersekolah dahulu ibu bapa itu tiada ambil tahu satu apa pun: tikar bantal pun tiada pernah memberi! Tiba-tiba kemudiannya tahu hendak minta wang dan “balas” sahaja hingga barangkali jadi menyusahkan kepada anak itu pula! . . . . .

Tetapi cubalah fikir-fikirkan dengan adil, jika ibu bapa tiada cukup menyempurnakan kewajibannya kepada anaknya patutkah ia dapat hak yang secukupnya daripada anaknya itu? Ia patut mendapat haknya hanya sekadar mana yang ia telah sempurnakan kewajibannya memelihara dan mendidik anaknya itu. Jika cukup baik bila pelihara dan didikan yang telah diberinya masa anak itu masih kecil nescaya bolehlah cukup diperolehnya haknya daripada anaknya itu kelak; jika kurang maka kuranglah pula. Keputusan yang demikian ini ternyata daripada ayat Quran yang tersebut di atas tadi pada sebelah hujungnya iaitu:

*Qul rabbi irhamhumā kamā rabbayānī saghīrā*

Iaitu Tuhan menyuruh anak itu berdoa: “Hai Tuhanku! Kasihani olehmu akan kedua ibu bapakku ini mengikut sebagaimana ia kedua telah telah membela pelihara akan daku masa kecilku dahulu.” yakni ukuran kasihan Tuhan yang boleh diharapkan bagi kedua ibu bapa itu ialah mengikut sebanyak mana atau semacam mana bela peliharaan yang telah diberi oleh keduanya kepada anaknya itu sahaja – jika

banyak baiknya banyaklah kasihan Tuhan yang diharapkan baginya itu. Jika kurang baiknya kurangnya pula kasihan Tuhan yang harus dikurniakan baginya; umpamanya jika keras dan bengkok maka haruslah Tuhan pun akan keras dan “bengkok” pula kepada ibu bapa itu. Begitu pula jika baik peliharaannya.

Wal hasil yang betulnya kerja membela dan mendidik anak itu sememangnya tanggungan dan kewajiban ibu bapa yang semula jadi, dilakukan dengan suka sendiri dan kehendak hati sendiri dari awal-awal permulaannya hingga akhirnya. Maka tidaklah patut disebut-sebut dan dibangkit-bangkit kepada anak itu. Dan tidak pula patut diminta balas. Kalau anak itu ada hati ia sendiri akan memberi; kalau tidak jangan diminta dan disebut-sebut, apalagi dibangkit-bangkit. Kerana menyebut-nyebut dan membangkit-bangkit budi yang telah diberi kepada seseorang itu bukan perbuatan orang yang budiman dan bijaksana. Firman Tuhan:

*(Ya ayyuhā al-dhīna amanū lā tubtīlū ṣadaqātikum bil manni wal adhā: Surah al-Baqarah 264)*

Ertinya: “Hai sekalian orang yang beriman, jangan kamu semua rosakkan atau jadikan sia-sia segala sedekah kamu dengan metempelak-metempelak dan menyakiti (hati) orang yang kamu beri sedekah itu.” Maka membela dan memelihara anak itu tiada syak lagi ialah suatu jenis daripada sedekah juga.

Maka tiap-tiap anak, istimewa yang dapat didikan baik, tentu ada hati hendak berbakti dan taat dan kasih sayang kepada ibu bapanya dengan tak payah disuruh, diminta-minta, disebut-sebut atau diingatkan: apalagi dibangkit-bangkit hutangnya kepada ibu bapa itu! Bahkan anak-anak yang tiada dapat didikan baik pun memang ada hati juga akan berbuat baik kepada ibu bapanya, kerana perasaan taat dan kasih sayang akan ibu bapa itu memang suatu tabiat semula jadi yang sedia tertanam dalam kejadian manusia, sebagaimana perasaan

kasih anak dan kesukaan membela peliharaannya dari kecil itu suatu tabiat yang dijadikan Tuhan sedia tertanam dalam kejadian sekalian ibu bapa hingga binatang sekalipun. Jadi, adakah patut disebut-sebut dibangkit-bangkit, dan diminta balas?

Maka istimewa pula apabila anak itu sudah besar dan ada mempunyai akal fikirannya sendiri, dan ada memikul tanggungan sendiri, dan sudah mengadap susah sukar sendiri, tidaklah sekali-kali patut ibu bapa membangkit-bangkit sebarang kebaikan yang telah diperbuat kepadanya dengan suka hati sendiri itu. Sebaliknya anak yang sudah besar dan berakal itu hendaklah disifatkan seperti kawan dan sahabat, dilawan bermuafakat dan berunding dengan baik pada segala perkara; kadang-kadang akal fikirannya dan timbangannya anak itu terlebih baik dan bijak daripada akal fikiran dan budi bicara ibu bapa itu pula. Maka tidaklah munasabah lagi jika anak yang sudah besar dan tahu berfikir sendiri itu hendak diperintah juga lagi, istimewa pula jika hendak ditaklukkan dengan kekerasan atau dengan membangkit-bangkit keadaannya terhutang kepada ibu bapanya itu dari masa kecilnya dahulu. Bahkan anak yang masih kecil pun tiada patut dipakai kekerasan kepadanya, apalagi anak yang sudah besar dan sudah tahu berfikir sendiri dan pandai hidup sendiri.

Kesudahannya ditamatkan makalah ini dengan kata: bahawa segala pekerjaan mendidik anak yang telah kita bicarakan ini bersamaanlah pada asasnya di antara anak laki-laki dan anak perempuan. Sekadarkan bezanya hanyalah menurut perbezaan diri antara laki-laki dengan perempuannya itu sahaja, kerana antara keduanya itu berlainan sifat-sifatnya dan tujuan-tujuannya. Oleh itu hendaklah dipadankan didikan tiap-tiap satu itu bagi masing-masingnya.

Dan lagi jika anak perempuan maka berlainan pula bawaan dan cara yang hendak dipakaikan di antara anak perempuan yang telah mendapat pelajaran dan contoh-contoh.